

# Kesesuaian Tempoh Pemulihan Pelatih di Rumah Baitul Ehsan dari Perspektif Pakar

**BITARA**

Volume 6, Issue 2, 2023: 263-279

© The Author(s) 2023

e-ISSN: 2600-9080

<http://www.bitarajournal.com>

Received: 19 April 2023

Accepted: 9 May 2023

Published: 30 June 2023

## [The Suitability of The Rehabilitation Period of Trainers at The Baitul Ehsan Rehabilitation Home from The Experts' Perspective]

**Salasiah Hanin Hamjah, Muhamad Faisal Ashaari, Rosmawati Mohamad Rasit & Fitri Munawaroh Zailani<sup>1\*</sup>**

<sup>1</sup> Pusat kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

\*Corresponding Author: salhanin@ukm.edu.my

### Abstrak

Pelbagai masalah sosial dihadapi oleh remaja pada masa ini. Ini melibatkan kes pergaulan bebas, ajaran sesat, khalwat, pengambilan dadah, pelacuran dan sebagainya. Sehubungan itu, ada dalam kalangan remaja yang dihantar ke pusat pemulihan yang dikelolakan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi mendapatkan bimbingan untuk memperbaiki akhlak. Berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada, tempoh masa pemulihan pelatih di Rumah Pemulihan MAIS, telah diberikan kadar maksimumnya selama enam bulan. Tempoh ini menimbulkan persoalan antaranya adakah tempoh enam bulan itu mencukupi? Perlukah ditambah tempoh tersebut dan apakah justifikasi keperluan menambah tempoh pemulihan? Justeru itu kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kaedah menentukan tempoh masa menjalani pemulihan, mengkaji kesesuaian tempoh masa menjalani pemulihan dan menganalisis justifikasi penambahan tempoh masa menjalani pemulihan di Rumah Pemulihan Baitul Ehsan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Informan dalam kajian ini dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*) dengan ciri-ciri tertentu agar mencapai objektif kajian yang disasarkan. Hasil kajian mendapati kaedah menentukan tempoh menjalani pemulihan adalah berdasarkan ijтиhad hakim dengan mengambil kira beberapa perkara seperti latar belakang dan pekerjaan pesalah. Selain itu, kajian ini juga mendapati terdapat keperluan untuk menambah tempoh pemulihan melebihi enam bulan. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat pelbagai justifikasi yang menyebabkan pelatih wajar ditambah tempoh pemulihan seperti penjagaan kesihatan, perubahan kognitif memerlukan masa yang lebih lama, pelaksanaan modul di pusat pemulihan memerlukan masa yang agak lama, pelatih tiada sokongan keluarga, berpandukan hadis Rasulullah SAW berkait kesalahan berzina dan demi keselamatan negara dan masyarakat. Implikasi kajian diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak berkuasa untuk menambah tempoh pemulihan di Pusat Pemulihan Baitul Ehsan agar proses pemulihan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

**Kata kunci:** tempoh, pemulihan, Baitul Ehsan, Islam, pelatih

### Abstract

Teenagers are currently facing with a variety of social issues. This includes cases of prostitution, heresy, solitude, drug abuse, and other vices. As a result, there are some teenagers who were sent to Baitul Ehsan Rehabilitation Home which is managed by the Selangor Islamic Religious Council (MAIS) to get guidance to improve their behaviours. Based on the existing laws, the trainees at the

MAIS Rehabilitation Centres are given a maximum duration of six months. This period raises questions such as whether it is sufficient. Should the period be increased and if so what is the justification? Therefore, this study was conducted to identify the method of determining the duration for the trainees to undergo rehabilitation, examine the appropriateness of the duration and analyze the justification for increasing the length of time to undergo rehabilitation at the Baitul Ehsan Rehabilitation Home. This study is a qualitative study with a case study design. Informants in this study were selected by purposive sampling with certain characteristics in order to achieve the targeted objectives of the study. The results of the study found that the method of determining the period of undergoing rehabilitation is based on the judge's ijtihad by taking into account several factors such as the offender's background and occupation. Besides, this study also found that there is a need to extend the recovery period beyond six months. The results of the study also showed that there are various justifications which suggested trainees to have additional period of rehabilitation. This includes health care, longer period required for cognitive changes and the implementation of modules, lack of support by the trainees' family, follows the hadith of Rasulullah SAW related to the offense of adultery and for the safety of the country and society. The implications of the study are expected to benefit the authorities to increase the rehabilitation period at the Baitul Ehsan Rehabilitation Center so that the rehabilitation process can be carried out more effectively.

**Keywords:** period, rehabilitation, Baitul Ehsan, Islam, trainees

**Cite This Article:**

Salasiah Hanin Hamjah, Muhamad Faisal Ashaari, Rosmawati Mohamad Rasit & Fitri Munawaroh Zailani. (2023). Kesesuaian Tempoh Pemulihan Pelatih di Rumah Pemulihan Baitul Ehsan dari Perspektif Pakar [The Suitability of The Rehabilitation Period of Trainers at The Baitul Ehsan Rehabilitation Home from The Experts' Perspective]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 263-279.

## Pengenalan

Tempoh masa pemulihan pelatih yang menjalani pemulihan di Rumah Pemulihan Majlis Agama Islam (RP MAIS) adalah merupakan suatu isu yang sukar mendapatkan kata tuntas yang tepat. Hal ini demikian kerana tempoh pemulihan adalah bergantung kepada individu mengikut jenis kes. Sungguhpun demikian, tempoh masa pemulihan pelatih di RP MAIS, berdasarkan peruntukan undang-undang telah diberikan kadar maksimumnya sebanyak 6 bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat permohonan daripada ibubapa atau penjaga untuk melanjutkannya, pihak RP MAIS boleh mempertimbangkan untuk melanjutkannya.

Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan merupakan pusat yang memfokuskan kesalahan berbentuk kesusilaan (masalah sosial dan akhlak) serta masalah akidah bagi wanita (Pamflet Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. 2014) manakala Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman memfokuskan kepada kesalahan sosial dan akidah bagi lelaki. Pusat Perlindungan Wanita (PPW) Baitul Ehsan menerima dua bentuk kemasukan iaitu kategori perintah mahkamah dan sukarela.

Perintah Mahkamah ialah perintah yang telah diperintahkan atau dijatuhkan hukuman oleh mana-mana Mahkamah Syariah di negeri Selangor bagi tujuan pemulihan cubaan akhlak/suai manfaat, tunggu bicara dan lain-lain mengikut tempoh sebagaimana yang terkandung dalam perintah tersebut. Kategori perintah mahkamah tersebut adalah berdasarkan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor iaitu melibatkan (1) Telah dijatuhkan hukuman di bawah kesalahan Bahagian IV EJSS 1995 – Seksyen 22 hingga Seksyen 31 dan Bahagian IV EJST 2001 – Seksyen 25 hingga Seksyen 36. (2) Perintah pemulihan

sebagai ganti hukuman kesalahan, Bahagian IV EJSS 1995/ Bahagian IV EJST 2001 dan Seksyen 54 (2) EJSS 1995 / Seksyen 67 EJST 2001. (3) Waran Tahanan Sementara, Seksyen 22 (5) ETJSS 2003 (4) Kuasa untuk melepaskan dengan syarat atau tanpa syarat, Seksyen 97 (2)(b) ETJSS 2003 (5) Pesalah kali pertama Seksyen 129 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2003 (6) Syarat Bon, Seksyen 130 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor 2003 dan (7) Perintah Penghakiman (interim Hadhanah). Bahagian VIII Perkara-perkara Am – 54(2) jika mana-mana mahkamah telah menyabitkan mana-mana perempuan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IV. Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu, memerintahkan supaya orang itu dikomitkan ke suatu rumah yang diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi 6 bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

Berikut merupakan kesalahan Bahagian IV Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 yang bermula dari Seksyen 22 hingga Seksyen 31 iaitu : 1. Perbuatan Sumbang Mahram (Seksyen 22); 2. Pelacuran (Seksyen 23); 3. Muncikari (Seksyen 24); 4. Persetubuhan Luar Nikah (Seksyen 25); 5. Persediaan Persetubuhan Luar Nikah (Seksyen 26); 6. Hubungan Sejenis (Seksyen 27); 7. Persetubuhan Luar Tabi'i (Seksyen 28); 8. Khalwat (Seksyen 29); 9. Perbuatan Tidak Sopan di Tempat Awam (Seksyen 31).

Selain kemasukan melalui perintah mahkamah, ada juga pelatih yang memasuki RP Baitul Ehsan dengan sukarela. Kebiasaannya penghuni yang memasuki pusat secara sukarela ingin menjalani pemulihan berkaitan masalah sosial seperti a) Terbelenggu dengan masalah Jenayah Syariah; b) Terbelenggu dengan gaya hidup songsang; c) Terbelenggu dengan amalan salah Islam.

## Pernyataan Masalah

Masalah sosial adalah merupakan salah satu masalah yang agak serius berlaku di Malaysia. Masalah ini bukan sahaja melibatkan golongan remaja tetapi juga melibatkan golongan dewasa. Masalah ini perlu diatasi secara kolektif oleh seluruh anggota masyarakat melibatkan pihak Kerajaan, NGO, sekolah, badan kebajikan dan sebagainya. Antara masalah yang sering berlaku dalam masyarakat Malaysia adalah seperti jenayah siber (Zulkufli Ismail & Azmi Aziz 2019; Khadijah Alavi et al. 2020; Muhammad Adnan & Siti Zobidah 2019; Khadijah Alavi et al. 2018). Jenayah ini semakin berleluasa disebabkan kecanggihan teknologi dan penggunaan gajet dalam kalangan netizen.

Selain itu, perlumbaan haram (Zalmizy Hussin & Siti Rohana 2021), melepak, membunuh, membuli dan penderaan (Nabilah Huda et al. 2020) juga dilaporkan berlaku dalam kalangan masyarakat. Isu penyalahgunaan dadah juga banyak berlaku malah isu ini bukan isu yang baharu dalam masyarakat. Pelbagai kaedah dilakukan bagi mengatasi masalah dadah namun hingga kini belum ada kaedah tuntas bagi membasmi gejala ini sepenuhnya di Malaysia (Nor Hasimah et al. 2022; Azahar Che Latiff et al. 2017; Alexander et al. 2017). Isu berkaitan seks juga merupakan masalah sosial yang meningkat pada masa kini (Mohd. Mahyeddin et al. 2018; Afifah Hamdan & Kamarul Azmi 2021). Rentetan seks bebas maka masalah pembuangan bayi (Adibah Bahori & Siti Zubaidah 2018) turut dilaporkan. Selain itu, isu berkaitan seks turut melibatkan kes sumbang mahram di mana seks berlaku dalam kalangan ahli keluarga yang

dilarang tegas dalam agama Islam (Mohamad Shahbani & Fuziah Shafiee 2019 ; Nadiah Mohd & Rositah Kambol 2022).

Masalah pergaulan bebas mempunyai kaitan yang cukup besar dengan jenayah seksual. Malah sangat membimbangkan apabila Norzamira (2023) melaporkan kadar jenayah seksual dalam kalangan pelajar bawah 18 tahun di Selangor meningkat dalam tempoh Januari hingga Mei pada tahun 2023. Sebanyak 5,779 kes jenayah direkodkan dengan kesalahan seksual dan keganasan rumah tangga berbanding 5,484 kes pada tempoh sama tahun 2022. Kesalahan seksual juga dilaporkan menjadi salah satu punca utama remaja dimasukkan ke rumah pemulihan akhlak remaja di Selangor dengan 48.6% berbanding kesalahan lain seperti 7.1% berkaitan dadah dan 27.1% melibatkan keganasan (Absha & Mohd. Isa 2019). Dalam konteks ini, Mariam et al. (2019) turut berpandangan remaja di pusat pemulihan akhlak yang terlibat dalam kes salah laku seks adalah yang tertinggi berbanding kes-kes kesalahan yang lain.

Banyak pihak telah menyedari peningkatan jenayah seksual di Malaysia. Justeru itu ada pihak persendirian, NGO dan badan Kerajaan menubuhkan pusat pemulihan akhlak remaja. Antara tujuan penubuhan pusat pemulihan adalah untuk membimbangi remaja yang telah tersalah arah hidup dan melakukan kesalahan, kembali ke pangkal jalan. Pelatih-pelatih di pusat pemulihan ini yang terjebak dengan masalah sosial dibimbing untuk kembali ke pangkal jalan bagi memulakan kehidupan baharu sebagai insan yang mempunyai jati diri dan berakhlaq mulia (Mariam et. al, 2022). Sungguhpun demikian, penubuhan pusat pemulihan ini bukanlah satu-satunya jalan terbaik bagi mengekang peningkatan gejala sosial di Malaysia. Hakikatnya, penubuhan pusat pemulihan ini adalah untuk membantu pelatih menyedari kesilapan lalu dan menggilap potensi diri dengan memberi sokongan mental, spiritual dan psikologi.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) juga tidak terkecuali dalam hal ini kerana MAIS juga menubuhkan beberapa buah pusat pemulihan yang dikenali sebagai Rumah Pemulihan MAIS (RPM) iaitu Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (Baitul Ehsan), Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman (Baitul Iman) dan Pusat Pemulihan Baitul Islah. Ketiga-tiga rumah pemulihan MAIS ini dikelola dengan sebaik mungkin bagi memastikan pelatih yang menjalani pemulihan akan menjadi manusia yang berguna setelah keluar dari pusat pemulihan. Bagi memastikan pelbagai aktiviti dilaksanakan yang mencakupi pembangunan jasmani, rohani dan mental pelatih, RPM menggunakan modul yang sama iaitu Modul Transformasi Ehsan (MTE) bagi masalah sosial dan Modul Istitabah bagi masalah akidah. Modul ini bersifat komprehensif kerana meliputi aspek pembangunan insan secara jasmani dan rohani.

## Tinjauan Literatur

Tinjauan literatur terhadap kajian terdahulu menunjukkan telah ada kajian dilakukan mengenai Pusat Perlindungan Wanita Khususnya Baitul Ehsan seperti kajian yang dilakukan oleh Mohamad Atiq (2018) bertajuk Metode Bimbingan Islami di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja Perempuan Baitul Ehsan di Daerah Sabak Bernam Selangor Malaysia. Kajian ini lebih berfokus kepada metode bimbingan atau pemulihan yang dilaksanakan di Baitul Ehsan.

Selain itu, kajian mengenai RP Baitul Ehsan juga telah ada dilakukan oleh Nurul Husna et. al (2017). Kajian beliau membuat perbandingan antara Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (BES) dan Kompleks Dar Assaadah (KDS) dalam konteks pengisian ilmu dan aktiviti

yang dijalankan bagi memulihkan pelatih. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa platform penting bagi tujuan pemulihan akhlak iaitu penganjuran kelas pemantapan ilmu agama dan kemahiran, perlaksanaan aktiviti berbentuk kerohanian dan ketahanan fizikal serta penguatkuasaan peraturan.

Dalam konteks yang hampir sama telah ada kajian yang meneliti keberkesanan program atau metode bimbingan di Rumah Pemulihan seperti kajian Rosmidah (2011). Beliau mengkaji impak program keagamaan terhadap pelatih dan keberkesanan program pemulihan yang dijalankan terhadap pemulihan akhlak pelatih. Di samping itu, ada juga kajian meneliti aspek keberkesanan Pusat Perlindungan Wanita membantu proses pemulihan pelatih sebagaimana dikaji oleh Azizi et al. (2012) di Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, Taman Seri Puteri Cheras, Jerantut dan Rembau dan Tunas Bakti Sungai Lereh Melaka. Aspek keberkesanan dilihat dalam pelbagai sudut termasuklah Program Bimbingan dan Kaunseling, pendidikan akhlak, kemudahan dan kelengkapan yang tersedia, program kebudayaan dan sosial, punca terlibat dan peranan Lembaga Pelawat. Hasil kajian mendapati pelatih tidak dapat mengikuti program secara berkesan. Kajian ini turut berjaya mengesan beberapa kelemahan dalam perlaksanaan program seperti kaunselor yang tidak bertauliah, kelas pendidikan akhlak yang membosankan dan kemudahan serta kelengkapan yang tidak lagi sesuai dan selesa.

Selain mengkaji mengenai kaedah pemulihan, kandungan pengisian dan keberkesanan modul atau program di Rumah Pemulihan, ada juga kajian dilakukan berkenaan Rumah Perlindungan Wanita Baitul Ehsan tetapi meneliti aspek kesediaan pelatih menjalani pemulihan. Kajian yang dimaksudkan ini telah dilakukan oleh Khairul Hamimah & Nurul Husna (2019) yang membandingkan RP Wanita Baitul Ehsan dengan Asrama Akhlak (Perempuan) di Kg. Pandan Kuala Lumpur yang berada dalam jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). Kajian ini fokus kepada kesediaan remaja hamil menjalani proses pemulihan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kes dan temu bual dilakukan sebagai kaedah utama pengumpulan data.

Kajian yang dilakukan oleh Mariam, Nurul Zafirah & Nurul Izzah (2019) pula mengkaji tentang faktor penglibatan remaja hamil luar nikah dalam salah laku seksual di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data kajian diperolehi menerusi kaedah temu bual daripada seorang pentadbir dan seorang warden di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Selangor serta empat orang remaja yang mengalami kehamilan luar nikah. Dapatan kajian mendapati antara faktor penglibatan remaja dalam salah laku seksual ialah disebabkan cinta dan kerelaan sendiri, menonton video dan filem porno, kejahilan dan gagal melaksanakan amalan Islam, mangsa rogol, konflik keluarga, pengaruh rakan sebaya, pengambilan pil khayal dan penglibatan dalam perlumbaan haram.

Tinjauan kajian lalu menunjukkan telah ada kajian dilakukan mengenai rumah pemulihan MAIS khususnya Rumah Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. Aspek yang dikaji dalam kajian terdahulu lebih menjurus kepada kaedah pemulihan dan bimbingan, pengisian ilmu dan aktiviti, keberkesanan program pemulihan, kesediaan pelatih menjalani pemulihan dan faktor penglibatan remaja hamil luar nikah dalam salah laku seksual. Ini secara jelas menunjukkan belum ada kajian secara spesifik mengkaji tentang tempoh pemulihan yang sesuai bagi pelatih di RP Baitul Ehsan. Kajian ini jelas berbeza dengan kajian terdahulu dan sekaligus menggambarkan terdapat kepentingan kajian ini dijalankan bagi meneroka dapatan baharu yang signifikan bagi menambahbaik pengurusan RP Baitul Ehsan dan semua RP MAIS di Selangor.

## Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kaedah menentukan tempoh masa menjalani pemulihan bagi pelatih yang menjalani pemulihan di Rumah Pemulihan Baitul Ehsan Sabak Bernam, Selangor. Selain itu kajian ini juga dilakukan untuk mengkaji kesesuaian tempoh masa menjalani pemulihan bagi pelatih di RP Baitul Ehsan serta menganalisis justifikasi penambahan tempoh masa menjalani pemulihan dalam kalangan pelatih.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian Kes. Kajian Kes adalah satu kaedah tradisi bersifat bukan eksperimental dalam kajian sains sosial. Kajian dijalankan untuk sesuatu situasi yang khusus dan mampu mengumpul data yang kaya berbanding kaedah lain. Kajian Kes melibatkan kajian mendalam terhadap seseorang manusia, satu kelompok, projek, institusi, agensi atau entiti lain (Rozmi 2013). Kaedah utama dalam pengumpulan data ialah temu bual. Seramai sembilan orang pakar telah dipilih sebagai informan dalam kajian ini. Pemilihan informan dilakukan secara bertujuan berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan iaitu mempunyai pengalaman kerja melebihi lima tahun, berumur melebihi 30 tahun dan mempunyai pengalaman berkaitan undang-undang dan pemulihan akhlak.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah protokol temu bual. Semua soalan tersebut diutarakan dalam Perbincangan Meja Bulat (*Round Table Discussion* (RTD) yang dihadiri oleh sembilan orang informan iaitu;

1. Yang Amat Arif (Y.A.A) Tuan Salehan Binti Yatim sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor;
2. Puan Siti Razasah Binti Abd Razak sebagai Peguam Syarie;
3. Ust Mohd Makhi Bin Adnan sebagai bekas Pengguna Baitul Ehsan, MAIS yang kini menjawat jawatan sebagai Penolong Pengurus Bahagian Baitulmal Daerah Sabak Bernam / Kuala Selangor;
4. Ustaz Izhar Bin Ismail sebagai bekas Pengguna Baitul Iman, MAIS yang kini berkhidmat sebagai Penolong Pengurus Baitulmal MAIS Daerah Zon Timur (Gombak / Hulu Langat);
5. Tuan Ahmad Noruddin Bin Haji Abdul Rahman sebagai Ketua Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat;
6. ASP Tuan Mohd Saiful Bin Hj Zainudin sebagai *Assistant Superintendant of Police* (ASP);
7. Dr. Siti Harirotul Hamrok sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor;
8. Dr. Norshahidah Binti Malek sebagai Ketua Unit Kesihatan Keluarga, Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam;
9. Muhammad Ajib Bin Razak sebagai Kaunselor Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman juga seorang pensyarah di Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan (FSSK), UKM.

### Jadual 1: Senarai Informan Kajian

No	Informan
1.	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor;
2.	Peguam Syarie
3.	bekas Penguasa Baitul Ehsan, MAIS
4.	bekas Penguasa Baitul Iman, MAIS
5.	Ketua Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat
6.	<i>Assistant Superintendant of Police (ASP);</i>
7.	Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
8.	Ketua Unit Kesihatan Keluarga, Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam;
9.	Kaunselor Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman

Semua hasil perbincangan dalam RTD adalah dirakam. Hasil rakaman kemudiannya dicatat semula bagi menghasilkan transkripsi dan dianalisis menggunakan perisian Atlas Ti.

## Hasil Kajian

### Kaedah Menentukan Tempoh Menjalani Pemulihan

Hasil kajian mendapati kaedah menentukan tempoh menjalani pemulihan di RP Baitul Ehsan adalah berdasarkan ijтиhad ataupun budi bicara seseorang hakim. Antara pertimbangan yang diambil kira oleh hakim ialah berkaitan isu pekerjaan. Contohnya dalam isu pekerjaan hakim mempertimbangkan untuk ditahan kurang daripada 6 bulan bagi mengelakkan pelatih dibuang kerja, sebagaimana kenyataan berikut:

Jadi, tempoh penentuan hakim tadi sama ada 6 bulan ke, 3 bulan ke dan sebagainya. Ada kadang kes-kes tersebut kalau kita letak 6 bulan, kalaulah dia betul-betul melibatkan orang yang bekerja, takkan majikan nak bagi tempoh kebenaran 6 bulan tadi. Sudah tentu dia boleh dikenakan tindakan untuk buang kerja. Ya sebab dah 6 bulan tak masuk bertugas. Jadi, pertimbangan-pertimbangan ini, dia akan mempengaruhi hakim tersebut untuk menentukan bilangan sama ada sesuai atau tidak untuk memulihkan masalah itu. Itu pertimbangan-pertimbangan yang akan diambil kira berdasarkan ijтиhad ataupun budi bicara seseorang hakim tadi (Informan 5).

Pertimbangan kepada kaedah penentuan tempoh juga bergantung kepada keadaan atau latar belakang diri pelatih dengan mengambil kira aspek watak, umur, kesihatan jasmani dan mental.

latar belakang dia tu bagaimana, bagaimana sama ada orang muda ke atau orang tersebut dah tua ke, daripada situ ada pertimbangan la. Umur, kesihatan dia bagaimana. Begitu juga dengan keadaan mental yang dituduh tadi ataupun hakikat ringan. Maksud hakikat ringan berkaitan hukuman tadi contohnya khalwat, bila perkara ni yang nampak, dia hanya untuk pemulihan akhlak sahaja. (Informan 5).

Dapatan kajian menunjukkan tempoh yang ditetapkan oleh pihak mahkamah adalah bergantung kepada ijтиhad hakim dengan mempertimbangkan beberapa perkara termasuk pekerjaan, umur, kesihatan fizikal dan mental pesalah.

## Kesesuaian Tempoh Pemulihan

Pada asasnya berdasarkan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor di bawah kesalahan Bahagian IV EJSS memerintahkan supaya pesalah dikomitkan ke suatu rumah yang diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan. Sungguhpun demikian, hasil kajian mendapati 100 % informan (9 orang) bersetuju supaya tempoh pemulihan di RP MAIS khususnya Baitul Ehsan dilanjutkan melebihi enam bulan. Walaubagaimanapun penentuan tempoh adalah tertakluk kepada keadaan pelatih sama ada bekerja, masih belajar atau tiada komitmen. Secara ringkasnya 77.8% informan bersetuju tempoh pemulihan sekurang-kurangnya adalah enam bulan sehingga setahun manakala 22.2% bersetuju tempoh minimum adalah selama sembilan bulan sehingga setahun. Ini menjelaskan terdapat keperluan untuk menambah tempoh pelatih menjalani pemulihan di Rumah Pemulihan Baitul Ehsan.

Jadual 2 : Cadangan tempoh tambahan pemulihan di Pusat Pemulihan Baitul Ehsan

Tempoh tambahan	kekerapan	peratus
6-12 bulan	7	77.8%
9-12 bulan	2	22.2%
Jumlah	9	100%

Pakar bersetuju dengan pelanjutan tempoh pemulihan antara enam bulan hingga setahun. Hal ini kerana pesalah perlu melalui sekurang-kurangnya tiga fasa pemulihan iaitu tiga bulan pada fasa adaptasi terhadap persekitaran dan kehidupan di Pusat Pemulihan, tiga bulan lagi bagi fasa pemulihan pemikiran dan tiga bulan lagi bagi fasa pemulihan jangka panjang. Ini dijelaskan sebagaimana berikut;

Saya sebenarnya secara peribadinya sangat mengalu-alukan berkaitan dengan penambahan tempoh masa tersebut ya. dan sekiranya lebih sesuai, bagi saya tiada masalah untuk dilanjutkan lagi masa hingga melebihi tempoh masa 12 bulan ya (Informan 5)

Bagi saya 6 bulan ni terlalu pendek. Itulah kita kena tengok kategori pelatih, ada pelatih yang tiba-tiba saya tengok dah keluar, tak sempat lagi nak buat. Jadi itulah saya punya pendapat saya. Saya bersetuju kalau 9 bulan, 9 hingga 12 bulan. 12 tu boleh pergi maksimum, 9 bulan ada tiga fasa, 3 bulan adaptasi, 3 bulan brain recover, 3 bulan long term treatment. (Informan 8)

Informan juga berpandangan bagi kes pemulihan pesalah masalah sosial, enam bulan adalah tidak mencukupi kerana proses pemantauan tidak sempat dilakukan. Proses pemantauan biasanya boleh dilakukan selepas enam bulan dan tiga bulan pertama adalah fasa pesalah menyesuaikan diri dengan Rumah Pemulihan.

Untuk kes-kes yang melibatkan kesusilaan tu perlunya pantauan selepas daripada 6 bulan tersebut. Sebenarnya tempoh 6 bulan tu kalau ikutkan dari segi kajiannya tu tidak mencukupi berdasarkan kepada pelatih tersebut seawal 3 bulan tu dia baru nak menyesuaikan diri di dalam rumah tersebut (Informan 6)

Selain itu, informan turut menjelaskan bahawa tempoh 6 bulan adalah tidak mencukupi bagi memulihkan masalah akidah dalam kalangan pelatih. Ini kerana memulihkan akidah adalah sangat bergantung kepada kesedaran pelatih dan proses mendapatkan kesedaran memerlukan masa yang lama.

Sekiranya bagi kes-kes yang dimasukkan ke baitul iman bagi kes akidah ya, untuk tempoh 6 bulan memang agak tidak mencukupi. Ada fasa-fasa untuk suai kenal, itupun mengambil masa. Contoh macam kes Millah Ibrahim, jadi memang disyorkan supaya dipenjarakan dulu lah, supaya dia betul-betul sedar (Informan 7)

Saya lihat berkaitan dengan tempoh-tempoh ni, berkaitan dengan akidah ni saya tengok , memang saya setuju berkaitan dengan tempoh akidah ni untuk diubahkan tempoh. Saya lihat 12 bulan mungkin tiada masalah (Informan 4)

Ada dalam kalangan Informan mengkategorikan tempoh berdasarkan kesalahan di mana tempoh minimum enam bulan adalah bagi kesalahan sosial manakala minimum tempoh sembilan bulan bagi kesalahan akidah.

Cadangan saya berkaitan dengan pemulihan, sekiranya pelatih-pelatih ni didapati bersalah dan untuk dipulihkan berkaitan masalah sosial, cadangan saya, minimum 6 bulan dan maksimum 12 bulan, itu masalah sosial. Dan masalah melibatkan akidah pula, sekurang-kurangnya minimum 9 bulan dan maksimum 12 bulan melibatkan akidah. (Informan 2)

## Justifikasi Penambahan Tempoh Pemulihan

Hasil kajian membuktikan informan kajian bersetuju tempoh pemulihan dilanjutkan melebihi enam bulan dengan pelbagai justifikasi antaranya;

### 1. Penjagaan Kesihatan

Tempoh setahun adalah tempoh yang difikirkan sesuai menurut pandangan doktor perubatan dengan mengambil kira tempoh mengandung, melahirkan dan berpantang. Adalah lebih baik jika tempoh ini dilanjutkan ke setahun sehingga pelatih dapat menjalani tempoh selepas bersalin di Rumah Pemulihan.

Jadi, dari segi perubatan memanglah sepatutnya untuk rawatan untuk kesihatan ibu dan anak terutamanya untuk wanita yang mengandung seelok-eloknya sehingga wanita itu habis pantang ataupun 6 minggu selepas bersalin. Point yang pertama dari segi kesihatan ya, kalau boleh sampai 12 bulan tu untuk penjagaan rapi (Informan 3)

Makna kita boleh melakukan rawatan postnatal ataupun rawatan rutin yang dilakukan oleh jururawat untuk melihat kondisi ibu dan bayi selepas melahirkan. Maksudnya kita memang suggest sehingga 6 minggu selepas bersalin kerana waktu itu adalah masih crucial lagi bagi ibu tersebut (Informan 4)

Penambahan tempoh ini juga penting bagi memastikan pelatih mendapatkan rawatan *post natal* kerana apabila mereka telah kembali ke rumah masing-masing dibimbangi mereka tidak membuat rawatan susulan.

Walaupun begitu, ia bergantung juga lah kepada status pelatih itu sendiri ataupun latar belakang lah. Sekiranya memang mahkamah tentukan untuk pelatih itu keluar awal, jadi kita memang tidak ada masalah, di mana kita memang akan beri pelan selepas itu, contohnya apabila baitul ehsan memaklumkan ada pelatih yang akan keluar, kita akan hubungi, kita akan bertanya di mana dia akan berpindah selepas ini, jadi kita akan hubungi klinik kesihatan yang dia akan berpindah, untuk kita maklumkan ibu yang mengandung di kawasan mereka la. Jadi, tiada masalah beliau ataupun pelatih tersebut, boleh sambung rawatan ante-natal di kawasan yang berdekatan atau di kawasan tempat dia pindah la. Cuma mungkin pihak JKM ataupun MAIS kena pastikan yang beliau tu pergi untuk rawatan ante-natal, kita tak nak bila dia pindah, dia tidak menyambung rawatan susulan untuk ante-natal (Informan 4)

## 2. Perubahan Kognitif Memerlukan Masa yang lebih Lama

Proses pemulihan adalah proses yang panjang kerana itulah ia memerlukan masa yang sedikit lama. Bagi kes-kes akidah lebih memerlukan masa yang panjang kerana proses perubahan kognitif bukan perkara yang mudah.

Hasil kajian juga, ini berkaitan dengan akidah, kognitif, otak, injuri kan, sekurang-kurangnya 3 bulan untuk pemulihan bagi aspek kognitif. Seterusnya kepercayaan dia, sekurang-kurangnya tiga bulan lagi untuk dia cover. Jadi di situ sahaja dah 6 bulan. OK, 3 bulan lagi adalah long term treatment. Treatment ni barulah dia betul-betul bersedia untuk menerima segala fardhu ain, pembelajaran, rawatan dan sebagainya. So sharp 9 bulan (Informan 8)

## 3. Pelaksanaan Modul Memakan Masa

Sesuatu modul yang dilaksanakan di Pusat Pemulihan memerlukan masa yang lama. Enam bulan adalah tidak mencukupi lebih-lebih lagi Modul Transformasi Ehsan (MTE) yang dilaksanakan di RP Baitul Ehsan mengandungi sembilan falsafah perubahan diri dan tujuh aktiviti utama ke arah perubahan pelatih (Fitri Munawaroh et al. 2023). Masa yang lama sangat diperlukan bagi memastikan tenaga pengajar modul juga menguasai kandungan modul. Modul yang dilaksanakan di Baitul Ehsan merupakan modul yang perlu dihayati dan difahami secara mendalam oleh tenaga Pengajar (warden, guru dan kakitangan) supaya modul dapat disampaikan dengan berkesan. Perkara ini dinyatakan oleh informan sebagaimana berikut;

Jadi memang, itu pun memberi masalah penghayatan kepada modul la. Pelaksana tu yang paling utama tu sebenarnya, dari segi pelaksana-pelaksana tu, dia perlu menjiwai modul yang dah cantik dah sebenarnya. Modul tu dah ada dah, dah cantik dah, cuma dari segi pelaksanaan tadi tu hah, kalau maknanya, warden-wardennya, kakitangannya perlu menjiwai supaya keberkesanan tu dapat dipertingkatkan lagi (Informan 7)

## 4. Pelatih Tiada Sokongan Keluarga

Tempoh masa juga perlu ditambah terutama bagi pelatih yang tiada sokongan keluarga seperti telah dibuang keluarga. Tempoh yang agak lama di RP MAIS dapat memudahkan mereka mendapatkan tempat perlindungan.

Sedikit justifikasi tambah tadi tu, keperluan sehingga 12 bulan bagi isu sosial bagi pelatih yang tiada sokongan kuat daripada keluarga (Informan 2)

## 5. Permintaan daripada Keluarga

Ada juga permintaan daripada keluarga pelatih yang merasakan tempoh masa menjalani pemulihan perlu ditambah. Hal ini demikian kerana ada dalam kalangan keluarga yang lebih suka anak mereka mendapatkan latihan, bimbingan dan pemulihan lebih lama.

Sekarang masyarakat dia cenderung meletakkan anak-anak mereka ke Rumah Pemulihan. So ada keluarga sendiri yang mohon supaya ditambah tempoh pemulihan (Informan 4)

## 6. Berpandukan Hadith Rasulullah SAW

Informan mencadangkan tempoh menjalani pemulihan ditambah sehingga setahun berdasarkan hadith Rasulullah SAW berkaitan hukuman Penzina Bukan Muhsan yang perlu dibuang negeri selama setahun. Hadith diriwayatkan daripada Ubadah bin Al-Samit R.A katanya, Rasulullah S.A.W. bersabda:

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ الْجُهَنِيِّ قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْمُرُ فِيمَنْ زَنَى وَلَمْ يُحْصَنْ جَلْدًا مِائَةً  
وَتَغْرِيبَ عَامٍ قَالَ ابْنُ شِهَابٍ وَأَخْبَرَنِي عُرْوَةُ بْنُ الْزِبَيرِ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ غَرَبَ ثُمَّ لَمْ تَرَنْ تِلْكَ السُّنْنَةَ

Maksudnya: Zaid bin Khalid Al Juhani mengatakan; 'Aku mendengar Nabi SAW menyuruh menghukum orang yang berzina dan dia belum menikah dengan sebatan seratus kali dan diasingkan (dibuang negeri) selama setahun.' Kata Ibnu Syihab, dan telah mengkhabarkan kepadaku 'Urwah bin Zubair bahawa Umar bin Khattab pernah mengasingkan (pelaku zina), dan yang demikian menjadi sunnah (Hadith Riwayat al-Bukhari: 6329)

Penambahan tempoh sehingga setahun dicadangkan oleh Informan 7 sebagaimana berikut;


Sebab saya ada baca, Irsyad fatwa ni, pejabat mufti wilayah persekutuan siri yang ke 385. Dalam fatwa ni dia ada dikeluarkan satu hadis ni, berkaitan dengan hukuman orang yang berzina. So di situ disebut kalau dari segi hukuman bagi mereka yang berzina ghairu muhson ni, kena rotan 100 kali, perlu diasingkan atau perlu dibuang negeri selama setahun (Informan 7)

## 7. Aspek Keselamatan Negara dan Masyarakat

Ada informan yang mencadangkan penambahan tempoh pemulihan berkait dengan keselamatan negara dan masyarakat. Keselamatan negara akan terancam jika pelatih terlibat dengan terrorisme, IS dan ajaran sesat. Mereka ini perlu dipulihkan supaya tidak menyebarkan ideologi mereka kepada masyarakat. Isu ini perlu ditangani dengan bijaksana dalam tempoh pemulihan kerana melibatkan aspek kepercayaan, doktrin dan kognitif yang memerlukan masa yang lebih lama untuk diperbetulkan.

Cuma bila melibatkan akidah ni seperti al-Arqam, millah Ibrahim, rasul melayu ini melibatkan doktrin. Doktrin ni memakan masa yang lama, sehingga hari ini pun macam Islamic IS Islamic State paling kurang setahun, setahun paling kurang. Ini melibatkan doktrin. Kalau doktrin ni, kita payah nak jangka. (Informan 9)

Rumusan tentang justifikasi penambahan tempoh menjalani pemulihan dapat disimpulkan sebagaimana terhasil daripada model analisis data menggunakan ATLAS.ti seperti berikut;



Rajah 1 :ATLAS.ti Justifikasi Penambahan Tempoh Pemulihan

## Perbincangan

Hasil kajian secara umumnya menjelaskan bahawa tempoh pemulihan yang termaktub dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor di bawah kesalahan Bahagian IV EJSS yang memerintahkan supaya pesalah dikomitkan ke suatu rumah yang diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan adalah perlu dipinda agar melebihi enam bulan berdasarkan justifikasi yang telah dibincangkan sebelum ini.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan hadis Rasulullah SAW yang menyatakan tentang hukuman kepada penzina yang belum berkahwin (kesalahan sosial) iaitu disebat seratus kali dan dibuang negeri selama setahun. Dibuang negeri selama setahun jelas menunjukkan bahawa tempoh hukuman atau pemulihan perlu melebihi enam bulan.

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «وَالَّذِي نَعْصِي بِيَدِهِ، لَا قُضِيَّنَّ بِيَدِكُمَا بِكِتَابِ اللَّهِ، الْوَلِيدَةُ وَالْعَنْمَرَدُ، وَعَلَى ابْنَكَ جَلْدٌ مَائِةٌ، وَتَغْرِيبٌ عَامٌ، وَاغْدُ يَا أَنْثِي إِلَى امْرَأَةٍ هَذَا، فَإِنْ اغْتَرَقْتُ فَارْجُمْهَا»، قَالَ: فَعَدَا عَلَيْهَا، فَاعْتَرَقْتُ، فَأَمَرَ بِهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرِجَمْتُ

Maksudnya: Rasulullah SAW. bersabda "Demi Zat yang diriku di tangan-Nya, aku akan memutuskan antara kamu berdua dengan merujuk kepada kitab Allah. Hamba perempuan dan kambing itu hendaklah dipulangkan. Anak lelaki kamu disebat dengan seratus kali sebatan dan dibuang negeri selama setahun. Wahai Unais, pergi kepada perempuan tersebut. Jika perempuan itu mengaku (berzina), maka rejamlah dia. Unais berkata yang beliau telah pergi menemui perempuan itu dan perempuan tersebut mengaku. Rasulullah SAW lalu mengarahkan perempuan tersebut untuk direjam (Hadis Riwayat Muslim, Kitab al-Hudud, Bab siapa yang mengaku berzina).

Hadis ini boleh dikaitkan dengan tempoh menjalani pemulihan bagi kesalahan sosial terutama berkait dengan kes khalwat atau berzina. Justeru itu, tempoh pemulihan bagi kesalahan sosial sepatutnya ditambah daripada enam bulan kepada setahun.

Selain itu, tempoh pemulihan di Kompleks Dar Assaadah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) juga melebihi enam bulan malah pelatih yang memerlukan bimbingan kerohanian diwajibkan menghadiri program rawatan dan pemulihan di sini selama dua tahun. Sepanjang tempoh tersebut, Kompleks ini memberi pendidikan berbentuk akademik dan kemahiran untuk memperkasa akhlak pelatih (Nurul Husna et al. 2017). Kajian yang dilakukan oleh Mariam et al. (2023) turut menyokong bahawa tempoh pemulihan tidak mencukupi sekadar enam bulan. Ini kerana Pusat Pemulihan Akhlak di bawah Kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat menetapkan tempoh pemulihan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah (Seksyen 65 Akta Kanak-Kanak 2001) di pusat ini adalah selama tiga tahun. Sungguhpun begitu, pelatih boleh dibebaskan sebelum tamat tempoh dengan kelulusan Kuasa Menteri atau Lembaga Pelawat.

Pertubuhan Kebajikan Darul Wardah Selangor atau dahulunya dikenali sebagai Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah (DARWA) yang menempatkan wanita yang mengalami masalah seperti kecelaruan akidah, mualaf, teraniaya, didera secara fizikal dan mental, mengandung tanpa nikah, zina, dirogol dan kes sumbang mahram. Pusat DARWA menetapkan tempoh pemulihan adalah selama satu (1) tahun hingga dua (2) tahun malah tiada sebarang rundingan dan budi bicara untuk tempoh kurang daripada satu (1) tahun (<https://darulwardahselangor.blogspot.com/>). Dalam konteks kesalahan akidah pula, kajian Mohamed Fairooz et al. (2023) merumuskan bahawa tempoh pemulihan bagi pesalah akidah secara umumnya adalah selama tiga bulan dan maksimum adalah 36 bulan (3 tahun).

Hasil perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa kajian terdahulu dan amalan semasa Pusat Pemulihan menunjukkan bahawa tempoh pemulihan bagi kesalahan sosial dan akidah adalah antara satu hingga tiga tahun. Justeru itu, kajian ini merumuskan tempoh pemulihan sedia ada yang tidak melebihi enam bulan bagi Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan RP MAIS adalah kurang mencukupi dan memerlukan penambahan masa agar pelatih benar-benar pulih dan menjadi manusia yang lebih baik.

## Kesimpulan

Persoalan mengenai tempoh menjalani proses pemulihan di Rumah Pemulihan bagi remaja yang melakukan kesalahan sosial dan akidah telah banyak kali dibincangkan di pelbagai

peringkat. Namun belum ada penyelesaian terbaik bagi menentukan tempoh yang paling sesuai. Kajian ini mendapat terdapat keperluan untuk menambah tempoh pemulihan melebihi enam bulan disebabkan terdapat pelbagai justifikasi yang munasabah bagi menambah tempoh tersebut. Antaranya disebabkan oleh faktor penjagaan kesihatan yang memerlukan lebih masa supaya kesihatan pelatih lebih terjamin khususnya bagi kes remaja hamil. Selain itu, perubahan kognitif khususnya berkaitan kesalahan akidah memerlukan masa yang lebih lama. Masa yang lama diperlukan untuk menimbulkan kesedaran, melakukan taubat dan kembali mempelajari ajaran Islam yang benar. Pelaksanaan modul di pusat pemulihan juga memerlukan masa yang agak lama terutama dari sudut memberi kefahaman kepada tenaga pengajar modul. Penambahan tempoh pemulihan juga perlu kepada pelatih yang tiada sokongan keluarga. Penambahan masa ini memberi ruang kepada pelatih untuk mencari tempat perlindungan atau mencari pekerjaan setelah dibuang keluarga. Berdasarkan dapatan kajian ini, secara jelas menunjukkan terdapat keperluan untuk menggubal Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor supaya tempoh pemulihan boleh dipanjangkan melebihi enam bulan.

### **Penghargaan**

Setinggi penghargaan ditujukan kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang menaja penyelidikan bertajuk Kajian Keberkesanan Modul Istitabah & Transformasi Ehsan dalam Kalangan Pelatih di Baitul Ehsan & Baitul Iman Rumah Pemulihan MAIS. Kod penyelidikan: PP-2020-016. Penghargaan juga diberikan kepada semua penyelidik yang terlibat dalam penyelidikan ini iaitu Zainab Ismail, Zuliza Mohd. Kusrin, Muhamad Adib Samsudin, Mohd Izwan Md. Yusof, Hafizatul Akmal Abdul Jalil, Muhammad Zulhusni Abdul Rashid dan Azman Abdul Rahman.

### **Rujukan**

- Absha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah. 2019. Faktor Keterlibatan Remaja dengan Masalah Sosial. *Jurnal Hadhari*. 11(1), 1-17.
- Adibah Bahori & Siti Zubaidah Ismail. 2018. Pencegahan dan Hukuman Perbuatan Buang Bayi Menurut Perundangan Syariah dan Sivil di Malaysia : Cukupkah Undang-undang yang ada? *30 Kanun*. (2), 339-362.
- Afifah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi. 2021. Kes Pembuangan Bayi di Malaysia dan Penyelesaiannya: Satu Kajian Analisis Kandungan Berita dan Artikel Semasa. *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan 2021*. 3(1), 201-215.
- Alexander R. Bazazi, Jeffrey A. Wickersham, Martin P. Wegman, Gabriel J. Culbert, Veena Pillai, Roman Shrestha, Haider Al-Darraji, Michael M. Copenhaver, Adeeba Kamarulzaman, & Frederick L. Altice. (2017). Design and implementation of a factorial randomized controlled trial of methadone maintenance therapy and an evidence-based behavioral intervention for incarcerated people living with HIV and opioid dependence in Malaysia. *Contemp Clin Trial*. 59,1-12.

- Azahar Che Latiff, Balan Rathakrishnan, Norhamidah Jarimal, Siti Noor Fazariah Suis & Surianti Lajuma. (2017). Perkaitan antara Perapatan Ibumbum dan Rakan Sebaya dengan Penglibatan Remaja dalam Penyalahgunaan Dadah di Sabah. *Southeast Asia Psychology Journal*. 5, 12-21.
- Azizi Yahaya Mohd. Anuar Abd Rahman Abd Rahim Hamdan Yusof Boon (2012) Program Pemulihan Akhlak Wanita: Sejauhmanakah Keberkesanan Pusat Perlindungan Wanita Membantu Proses Pemulihan? Jabatan Pendidikan Asas Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad B. Ismail B. Ibrahim B. al-Mughirah (1992) *Sahih al-Bukhari*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Fitri Munawaroh Zailani, Muhamad Faisal Ashaari & Salasiah Hanin Hamjah. 2023. Pelaksanaan Modul Transformasi Ehsan di Rumah Pemulihan MAIS (Baitul Ehsan dan Baitul Iman). *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 6 (3), 129-145
- Khadijah Alavi, Maizatul Haizan Mahbob & Mohammad Syahrul Azha Sooed. 2020. Strategi Komunikasi Penjenayah Cinta Siber Terhadap Wanita Profesional. *Jurnal Komunikasi : Malaysian Journal of Communication*. 36 (3), 296-311.
- Khadijah Alavi, Mohammad Syahrul Azha Sooed & Al-Azmi Bakar. 2018. *Love Scam* di Selangor : Satu Penerokaan Terhadap Modus Operandi Jenayah Siber ke Atas Wanita Profesional. *Jurnal Pembangunan Sosial*. Jilid 21, 105-122.
- Khairul Hamimah Mohd Jodi & Nurul Husna Mansor. 2019. Kesediaan Remaja Hamil Luar Nikah terhadap Program Kerohanian di Pusat Perlindungan Wanita. *Islamiyyat* 41(1), 59 – 68
- Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman & Nurul Izzah Mohd Yani (2019) Faktor Penglibatan Remaja Hamil Luar Nikah dalam Salah Laku Seksual di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 94-109.
- Mariam Abd. Majid, Zainab Ismail, Aisyah Humairak Abdul Rahman, Abur Hamdi Usman, Noraini Mohamad, Noor Hafizah Mohd Haridi, Nurzatil Ismah Azizan & Gazali Gazali. 2022. Program Pemulihan Akhlak Remaja Delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia. *Journal of Human Capital Development*, vol. 15 (1), 1-19.
- Mohamad Shahbani Sekh Bidin & Fuziah Shaffie. 2019. Voluntary Sex, Rape and Incest among Unmarried Pregnant Female Adolescents in Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*. Jilid 22, 51-64.
- Mohamad Atiq Aziddin. 2018. Metode Bimbingan Islami di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja Perempuan Baitul Ehsan Di Daerah Sabak Bernam Selangor Malaysia. Skripsi thesis, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan.
- Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah, Muhammad Yosef Niteh, Aminudin Basir @ Ahmad, Mohd Shairawi Mohd Noor & Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin. 2023. Amalan Istitabah dalam Perlaksanaan Pemulihan Akidah di Malaysia (The Practice of Istitabah In Implementation of Akidah Convalescence In Malaysia). *Jurnal Pengajaran Islam*. 16 (1), 1-8

- Muhammad Adnan Pitchan & Siti Zobidah Omar. 2019. Dasar Keselamatan Siber Malaysia. Tinjauan Terhadap Kesedaran Netizen dan Undang-undang. *Jurnal Komunikasi : Malaysian Journal of Communication*. 35(1), 103-119.
- al-Muslim (821-875M) Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naysaburi. 1998. *Sahih Muslim*. Riyad : Dar al-Salam.
- Nabilah Huda Zaim, Norsaleha Mohd Salleh & Zuliza Mohd Kusrin. 2020. Elemen Kesejahteraan Keluarga Islam dalam Menangani Penderaan Seksual Kanak-kanak. *Jurnal Pengajian Islam*. 13(2), 35-49.
- Nadiah Mohd Zin & Rositah Kambol. 2022. Sumbang Mahram (INSES): Satu Perbandingan antara Undang-undang Jenayah Islam dan Undang-undang Jenayah di Malaysia. *Journal of Law & Governance*. 4(1), 16-29.
- Nor Hasimah Ismail, Dayang Nur Amirah Awang Halifah & Mardzelah Makhsin. 2022. Faktor Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. 7(46), 674-685.
- Norzamira Che Noh. 2023. Jenayah Seksual dalam kalangan pelajar di Selangor meningkat. *Berita Harian*. [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my) [Diakses pada 18 Oktober 2023]
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Raihanah Abdullah & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. 2017. Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita : Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah. *Jurnal Hadhari*, 9(2), 261-274.
- Pamflet Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. 2014. Selangor: Unit Ar- Riqab Majlis Agama Islam Selangor.
- Pertubuhan Kebajikan Darul Wardah Selangor. Pengenalan dan Syarat Kemasukan. <https://darulwardahselangor.blogspot.com/>. [Diakses pada 18 Oktober 2023]
- Rosmidah Nuruhuda Ishak (2011) Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dari Aspek Pengalaman dan Impak Program Keagamaan Terhadap Pelatih Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah) dengan Kepujian Jabatan Sains Sosial Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Islam Sultan Zainal Abidin (Unisza), Terengganu.
- Rozmi Ismail. 2013. *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zalmizy Hussin & Siti Rohana Ahmad. 2021. Identiti Maskuliniti (Kejantanan) Terhadap Keinginan untuk Berlumba dalam Kalangan Mat Rempit di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 18 (5), 109-121.
- Zulkufli Ismail & Azmi Aziz. 2019. Jenayah Cinta Siber di Malaysia : Suatu Penelitian Terhadap Pengalaman Mangsa. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 16(4), 1-10.